



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BPPP)1/10/B Jld.IV / (21)

Tarikh : 30 Oktober 1995

Semua Pengarah Pendidikan Negeri
MALAYSIA

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 10/1995 :
Pelaksanaan Jadual Waktu Anjal Bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Dengan ini dimaklumkan bahawa mulai sesi persekolahan tahun 1996, semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia adalah dikehendaki menyusun jadual waktu sekolah masing-masing dengan menggunakan konsep jadual waktu anjal.

2. Penyusunan jadual waktu ini hendaklah berdasarkan prinsip mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam jadual waktu sehari dengan memberikan waktu yang lebih panjang dan bergabung bagi sesuatu mata pelajaran pada hari berkenaan. Tujuan utama ialah bagi membolehkan pengajaran pembelajaran dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan serta mengurangkan berat beg murid. Pengagihan masa bagi setiap mata pelajaran kurikulum sekolah serta peruntukan masa seminggu bagi sekolah rendah dan menengah adalah kekal seperti dalam pekeliling-pekeliling ikhtisas berikut :

- I. Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990 bertarikh 15 Disember 1990
- II. Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1991 bertarikh 10 Julai 1991
- III. Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1994 bertarikh 22 Oktober 1994

3. Pengetua-pengetua dan guru besar-guru besar hendaklah menggunakan budi bicara masing-masing dalam menyusun jadual waktu yang sesuai dengan keadaan sekolah. Walau bagaimanapun, perkara-perkara berikut hendaklah diberi pertimbangan sebagai panduan dalam membuat penyusunan jadual waktu.

- I. Maksimum bilangan mata pelajaran dalam sehari ialah 5 (lima) mata pelajaran.
- II. Gabungan waktu yang digalakkan bagi sesuatu mata pelajaran ialah 2 (dua) waktu. Walau bagaimanapun gabungan 3 (tiga) waktu dan 1 (satu) waktu boleh dilaksanakan sekiranya perlu.
- III. Penggabungan dua atau tiga waktu perlu dilaksanakan secara berterusan bagi sesuatu mata pelajaran. Elakkan perpecahan waktu seperti satu waktu di waktu keempat dan satu waktu lagi di waktu keenam (bagi gabungan dua waktu) atau satu waktu di waktu keempat dan dua waktu lagi di waktu keenam dan ketujuh (bagi gabungan tiga waktu) pada sesuatu hari.

- IV. Agihan waktu mengajar guru perlu seimbang, iaitu dalam lingkungan 4-6 waktu (160-240 minit) sehari bagi guru sekolah menengah dan 5-8 waktu (150-240 minit) sehari bagi guru sekolah rendah.
- V. Agihan mata pelajaran juga perlu seimbang supaya tidak berlaku keadaan di mana ada hari semua mata pelajaran 'berat' dan ada hari semua mata pelajaran 'ringan'.
- VI. Jadual waktu anjal tidak mempunyai satu pola penjadualan yang seragam (standard/uniform). Oleh itu pihak sekolah boleh memilih sama ada melaksanakan pola pusingan satu minggu atau pola pusingan dua minggu, mengikut kesesuaian sekolah demi kepentingan pembelajaran murid.
- VII. Konsep 'tukar ganti waktu' secara 'suka sama suka' dikalangan guru-guru adalah digalakkan bagi memenuhi keperluan pengajaran pembelajaran dan juga bagi mengatasi masalah guru tidak hadir serta masalah guru ganti. Dengan cara ini masa pembelajaran pelajar tidak terjejas.

Contoh: Guru A boleh mengambil alih waktu mengajar guru B yang tidak hadir. Guru B perlu menggantikan pengajarannya dengan menggunakan waktu guru A apabila kembali bertugas.

- VIII. Ketua Jabatan/guru pakar hendaklah memberi bimbingan kepada guru-guru lain tentang bagaimana merancang pengajaran dan pembelajaran yang teliti dan berkesan bagi mengisi jadual waktu bergabung. Penerangan dan bimbingan oleh Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar amat digalakkan dalam melaksanakan jadual waktu anjal ini.

4. Sayugia disebutkan bahawa kejayaan pelaksanaan jadual waktu anjal bergantung kepada pengurusan yang cekap di semua peringkat, baik di peringkat sekolah, daerah mahupun negeri.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Seri Mohd Najib b. Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Datuk Mohd. Khalid b. Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia